

## **Teks Ucapan**

**PROF. DATUK DR. MOHD. HARUN ABDULLAH**  
**Naib Cancellor**  
**Universiti Malaysia Sabah**

**Sempena Majlis Perasmian dan Penutupan Minggu Suai**  
**Mesra Asasi Sains Sesi 2017/2018**

**27 Mei 2017 (Sabtu) | 11.00 pagi**  
**BT1-BT4, Pusat Persediaan Sains dan Teknologi, UMS**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Negaraku Malaysia dan  
Salam Ramadan al-Mubarak

**(SALUTASI – akan disediakan oleh urusetia)**

Para Pensyarah dan kakitangan Pusat Persediaan  
Sains dan Teknologi, Barisan Jawatankuasa  
Pelaksana Minggu Suai Mesra dan Yang Dikasihi,  
Para Pelajar Baharu Program Asasi Sains Universiti  
Malaysia Sabah sesi akademik 2017/2018.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana kita dapat bersama-sama untuk meraikan kemasukan para pelajar dari seluruh Malaysia ke Program Asasi Sains, Pusat Persediaan Sains & Teknologi, Universiti Malaysia Sabah sesi 2017/2018. Saya mewakili warga UMS mengucapkan setinggi-tinggi syabas, tahniah dan selamat datang kepada para pelajar baharu yang telah dipilih untuk melanjutkan pengajian ke Pusat Persediaan Sains & Teknologi, UMS.

Ketahuilah, kejayaan anda berada di universiti ini merupakan amanah dan tanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Datang ke negeri Sabah, Negeri Di Bawah Bayu kepada pelajar dari negeri-negeri di Semenanjung dan juga jiran kita, Sarawak. Semoga anda dapat melihat kemakmuran dan keharmonian rakyat serta menikmati keindahan dan keunikan Negeri Sabah yang bertuah ini.

## **Rakan-rakan seperjuangan UMS serta para pelajar yang dikasihi sekalian**

Sejajar dengan misi dan visi penubuhan Pusat Persediaan Sains & Teknologi, UMS ini, kehadiran anda bakal menjadi satu titik permulaan dalam perjalanan hidup bagi memperkukuhkan asas dalam bidang sains dan teknologi sebelum melangkah ke program Ijazah kelak. Yakinlah bahawa ini bukanlah hanya suatu persinggahan, tetapi jadikanlah ia suatu memori indah untuk bekalan hari mendatang.

Hakikatnya, para pelajar dan seluruh warga UMS tidak mengira pangkat dan lapisan umur perlu berganding bahu untuk bersama mencapai visi dan misi universiti. Ia mampu disempurnakan dengan keikhlasan agar kita semua dapat bersatu, menetapkan fikiran yang satu, bagi menyempurnakan matlamat universiti ini agar senantiasa melangkah dan melangkah maju ke hadapan.

UMS bertekad untuk menjadi pusat penyebaran ilmu pengajian bagi melahirkan pendidikan tinggi yang berkualiti kepada pelajar dan cendekiawan global dan setempat. Justeru, pihak universiti bertekad untuk menyediakan bimbingan dan peluang pembelajaran dalam suasana persekitaran yang menekankan inovasi dan bakat. Tiga kata kunci yang cukup sinonim bagi menjelaskan apa yang didukung universiti ini ialah inovatif, relevan dan lestari.

Sejak ditubuhkan, UMS telah memberikan usaha yang konsisten dengan menyediakan ahli akademik yang berkebolehan, membangunkan infrastruktur dan mekanisme moden, dan juga disokong oleh pihak pengurusan yang menyediakan dasar yang berkesan dalam usaha memupuk pemikiran kritis generasi muda.

**Para pelajar yang saya kasihi sekalian,**



Universiti wujud disebabkan permintaan masyarakat sekeliling yang ingin melihat perubahan hidup menerusi tahap pendidikan tinggi. Pada zaman yang serba mencabar ini, keperluan untuk mendapatkan pendidikan tinggi adalah satu kemestian. Adalah menjadi harapan saya agar anda semua memanfaatkan segala peluang dan kesempatan di Pusat Persediaan Sains & Teknologi dengan sebaiknya bagi meraih kecemerlangan dalam bidang akademik mahupun kemahiran insaniah.

Saya pasti, sudah tentu anda ada jawapannya dan mempunyai matlamat atau tujuan yang jelas. Orang yang berilmu belum tentu berguna kepada masyarakat kalau tindak-tanduknya tidak berintegriti serta sentiasa menyusahkan orang lain dan tidak mengamalkan ilmu dalam kehidupan seharian. Saya percaya, proses pembelajaran itu haruslah seimbang di antara bilik kuliah dan kehidupan kampus. Aspek ilmu yang terdapat di universiti ini tiada batasnya.

Anda juga secara tidak langsung akan didedahkan dengan kehidupan kampus yang diwarnai dengan pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh kelab-kelab fakulti, kelab-kelab di bawah naungan Hal Ehwal Pelajar atau Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) di setiap Kolej Kediaman. Kutiplah pengalaman ini agar anda betul-betul menikmati kehidupan kampus.

Selain bekal transkrip akademik yang dibawa untuk memasuki alam pekerjaan, aspek-aspek lain seperti keterlibatan dalam aktivitas universitas dapat meningkatkan tahap keyakinan diri. Saya doakan agar anda semua memperkuat iltizam dan menzahirkan usaha menuntut ilmu dengan bersungguh-sungguh demi melakar masa depan yang lebih terjamin.

**Hadirin Hadirat yang saya hormati sekalian,**

Akhir kata, syabas dan tahniah sekali lagi kepada anda kerana berjaya meneruskan pengajian di Pusat Persediaan Sains & Teknologi, Universiti Malaysia Sabah. Bersempena dengan hari pertama kita berpuasa di bulan Ramadan ini, saya berdoa semoga usaha menuntut ilmu anda akan dipermudahkan dan diberikan keberkatan oleh Allah SWT.

Dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, saya merasmikan Majlis Penutupan Minggu Suai Mesra Asasi Sains sesi 2017/2018 anjuran Pusat Persediaan Sains dan Teknologi, Universiti Malaysia Sabah.

Sekian.

Saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.